



JABATAN INSOLVENSII MALAYSIA (Mdi)
ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSII BIL. 3 /2024

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi
Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan
Pengaroh Bahagian
Pengaroh Insolvensi Negeri
Ketua Cawangan

TATACARA PENGURUSAN PANJAR KHAS INSOLVENSII

SENARAI KANDUNGAN

TATACARA PENGURUSAN PANJAR KHAS INSOLVENS	3
1.0 TUJUAN	3
2.0 LATAR BELAKANG	3
3.0 PENGURUSAN PANJAR KHAS INSOLVENS	5
3.1 Permohonan Mewujudkan Akaun Panjar Khas dan Akaun Bank Panjar	5
3.2 Permohonan Penambahan Apungan Panjar Khas	6
3.3 Pengurusan dan Pengendalian Akaun Bank Panjar Khas	7
3.4 Kuasa Tetap Panjar Khas	9
3.5 Caj Perkhidmatan Bank	11
3.6 Hibah/ Faedah/ Dividen Bank	12
3.7 Pengambilan Apungan Asal/Tambahan Apungan	12
3.8 Pembayaran Melalui Panjar Khas	14
3.9 Pulangan Lebihan Wang Bagi Perbelanjaan Pendahuluan	19
3.10 Pengendalian dan Pengurusan Cek dan Tunai	19
3.11 Rekupmen Akaun Panjar Khas Insolvensi	23
3.12 Arahan Pembayaran Rekupmen	23
3.13 Pembayaran Wang Rekupmen Panjar Khas	25
3.14 Penerimaan Rekupmen bagi Panjar Khas	25
3.15 Pengurangan Apungan/Penutupan Akaun Panjar Khas dan Akaun Bank Panjar Khas (jika berkaitan)	26
3.16 Buku Daftar Pendahuluan Panjar Khas	29
3.17 Pelaporan Bulanan dan Tahunan Akaun Panjar Khas	29
3.18 Penutupan Bulanan Panjar Khas	33
3.19 Penutupan Akhir Tahun Panjar Khas	34
3.20 Penyelenggaraan Laporan dan Dokumen Panjar Khas	36

3.21	Pertukaran Pegawai Yang Mengendalikan Panjar Khas.....	38
3.22	Tanggungjawab PIN/KC.....	40
4.0	KUAT KUASA	41
	SENARAI LAMPIRAN	42



JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA (Mdl)
ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSİ BIL. 3 /2024
TATACARA PENGURUSAN PANJAR KHAS INSOLVENSİ

1.0 TUJUAN

- 1.1 Arahan ini bertujuan untuk memberi garis panduan kepada Ibu Pejabat dan Cawangan Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) berkaitan tatacara Pengurusan Panjar Khas Insolvency selaras dengan pelaksanaan Perakaunan Akruan bagi memastikan Pengurusan Panjar Khas Insolvency diperakaunkan dengan tepat dan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 1.2 Menyeragamkan pengurusan dan pengendalian rekod-rekod kewangan dan perakaunan Panjar Khas oleh Pemegang Panjar secara betul dan sistematik mengikut peraturan yang berkuat kuasa serta mewujudkan amalan terbaik untuk dilaksanakan oleh Pemegang Panjar.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan kepada Arahan Perbendaharaan (AP) 3(f), takrifan Panjar Khas adalah wang yang diperuntukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan yang digunakan untuk memudahkan perbelanjaan bagi tujuan khas dan oleh itu tidak dipertanggungjawabkan dalam akaun sebagai perbelanjaan. Wang yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara, Ketua Akauntan Kementerian atau Bendahari Negeri/Akauntan Negeri sebagai Panjar hendaklah diwujudkan dan diakaunkan di bawah akaun Panjar yang berasingan atas nama jawatan Cawangan yang berkenaan, yang mana hendaklah dijelaskan apabila Panjar itu ditutup.

- 2.2 Selaras dengan AP111(a), Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri boleh membenarkan Akauntan Negara atau Akauntan Negeri/Bendahari Negeri mengikut yang mana berkenaan, untuk mengambil tindakan berikut jika didapati seseorang pegawai awam mempunyai wang padanya untuk membuat bayaran dengan:
- i. Mewujudkan Panjar; dan
 - ii. Mengizinkan pengeluaran Panjar.
- 2.3 Selaras dengan AP111(b), Panjar hendaklah digunakan hanya bagi maksud tertentu dan dikeluarkan serta diperakaunkan mengikut syarat-syarat kelulusan yang diberi.
- 2.4 Panjar Khas Insolvensi adalah wang yang dibenarkan untuk kegunaan oleh Mdl bagi maksud perbelanjaan yang digariskan oleh Akta dan Kaedah yang berkaitan pengendalian kes kebangkrapan, penggulungan syarikat, pembatalan Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja dengan kelulusan Akauntan Negara Malaysia.
- 2.5 JANM melalui surat rujukan ANM/POPA/SPA/4/7.7 SJ.1(4) bertarikh 11 Disember 2006 telah meluluskan penubuhan Panjar Khas Insolvensi di 21 Cawangan Mdl. Surat kelulusan adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 2.6 Had apungan Panjar Khas Insolvensi adalah berdasarkan kepada kelulusan JANM melalui surat rujukan ANM/POPA/SPA/4/7/7.7 SJ 1(40) bertarikh 16 April 2015 seperti di **Lampiran 2** dan **Lampiran 3**.
- 2.7 Senarai Akaun Bank Panjar Khas dan Kod Vendor Sistem iGFMAS mengikut Cawangan seperti mana yang diluluskan oleh JANM adalah seperti di **Lampiran 4**.
- 2.8 Penyediaan tatacara ini perlu merujuk dan dibaca bersekali dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 2 Tahun 2021 berkenaan Tatacara Pengurusan Panjar bertarikh 5 Februari 2021.

3.0 PENGURUSAN PANJAR KHAS INSOLVENS

3.1 Permohonan Mewujudkan Akaun Panjar Khas dan Akaun Bank Panjar

3.1.1 Cawangan perlu mengemukakan permohonan mewujudkan akaun Panjar Khas dan bersama dengan permohonan pembukaan akaun bank Panjar Khas yang lengkap kepada Bahagian Perakaunan Mdl untuk semakan dan sokongan sebelum di hantar ke Bahagian Akaun JPM (BA JPM) untuk dipanjangkan kepada JANM.

3.1.2 Bahagian Perakaunan Mdl hendaklah memastikan Cawangan yang memohon memenuhi syarat permohonan mewujudkan Panjar Khas dan mengemukakan surat permohonan Cawangan yang mengandungi perkara seperti berikut:

- a) Cawangan adalah berstatus PTJ mengendali dan menyelenggara Akaun Amanah;
- b) Peruntukan adalah mencukupi (rujuk Laporan Kedudukan Dana Amanah di Sistem iGFMS); dan
- c) Surat permohonan yang mengandungi maklumat dan dokumen sokongan berikut:
 - (1) Kod Kumpulan PTJ & PTJ Membayar;
 - (2) Kod Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung;
 - (3) Kod Pejabat Perakaunan;
 - (4) Cadangan had apungan Panjar Khas;
 - (5) Cadangan had apungan hendaklah berdasarkan keperluan minima. Rekupmen Panjar Khas boleh dibuat lebih daripada sekali sebulan.

- (6) Justifikasi permohonan;
- (7) Cadangan nama Cawangan (Jawatan Ketua PTJ dan nama PTJ);
- (8) Maklumat Pemegang Akaun Bank (atas nama Jawatan Ketua PTJ dan nama PTJ);
 - i. Nama Pegawai yang bertanggungjawab;
 - ii. Alamat;
 - iii. No. telefon; dan
 - iv. Alamat emel.
- (9) Cadangan maklumat lengkap bank perdagangan tempatan yang terdekat dan mampu memberikan perkhidmatan yang baik;
 - i. Nama bank dan cawangan bank yang dipilih;
 - ii. Alamat cawangan bank;
 - iii. No. telefon;
 - iv. Pegawai yang bertanggungjawab; dan
 - v. Alamat emel.
- (10) Anggaran perbelanjaan terperinci sebulan;
- (11) Borang Pendaftaran/ Penamatan Penerima Bayaran iGFMS atas nama Jawatan Cawangan seperti di **Lampiran 5**; dan
- (12) Dokumen lain yang berkaitan.

3.2 Permohonan Penambahan Apungan Panjar Khas

- 3.2.1 Sekiranya terdapat keperluan, Cawangan boleh memohon penambahan apungan Panjar Khas dengan mengemukakan

permohonan lengkap kepada Bahagian Perakaunan Mdl untuk semakan dan sokongan sebelum dihantar ke BA JPM.

3.2.2 Bahagian Perakaunan Mdl bertanggungjawab memastikan Cawangan yang memohon memenuhi syarat permohonan penambahan apungan Panjar Khas dan mengemukakan surat permohonan yang mengandungi maklumat dan dokumen sokongan kepada BA JPM seperti berikut:

- a) Kod Kumpulan PTJ & PTJ Membayar;
- b) Kod Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung;
- c) Kod Pejabat Perakaunan;
- d) ID Panjar Khas;
- e) Kod Vendor Panjar Khas;
- f) Cadangan had apungan baharu Panjar Khas;
- g) Justifikasi permohonan;
- h) Trend perbelanjaan sebenar dan Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas untuk tempoh enam (6) bulan terdahulu; dan
- i) Dokumen lain yang berkaitan.

3.3 Pengurusan dan Pengendalian Akaun Bank Panjar Khas

3.3.1 Setelah mendapat kelulusan untuk mewujudkan Panjar Khas dan pengesahan nombor akaun bank daripada JANM, Cawangan perlu mengambil tindakan berikut:

- a) Memohon capaian kepada Pejabat Perakaunan untuk menetapkan ID Panjar Khas kepada PTJ Membayar; dan
 - b) Memohon capaian pengguna PTJ Cawangan.
- 3.3.2 Selaras dengan AP113(a), Ketua Jabatan yang menerima sesuatu Panjar Khas kecuali Panjar Wang Runcit mestilah membuka suatu akaun bank atas nama jawatan yang dipegangnya dengan kelulusan Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/Akauntan Negeri. Akaun Bank Kerajaan itu tidak boleh digunakan bagi apa-apa maksud lain.
- 3.3.3 Cawangan dikehendaki untuk melengkapkan Kuasa Tetap (Borang AK52) dan disertakan dokumen berikut:
- a) Salinan Kad Pengenalan yang telah diakui sah bagi pegawai yang diberi kuasa untuk mengesah dan menunaikan EFT/Cek Panjar Khas; dan
 - b) Capaian Perbankan Internet.
- 3.3.4 Cawangan perlu menyediakan lima (5) set dokumen asal di para 3.3.3 di atas dan mengemukakan permohonan kepada Bahagian Perakaunan Mdl untuk semakan sebelum dipanjangkan untuk kelulusan JANM melalui BA JPM.
- 3.3.5 Penyimpanan lima (5) set dokumen asal yang telah diluluskan adalah seperti berikut:
- a) Satu (1) simpanan BPOPA, JANM;
 - b) Satu (1) simpanan BA JPM;
 - c) Satu (1) simpanan Bahagian Perakaunan Mdl;

- d) Satu (1) simpanan Cawangan Mdl; dan
- e) Satu (1) simpanan Bank/Cawangan Bank yang diluluskan.

3.3.6 Format Surat Kebenaran Pengeluaran Tunai Panjar Khas adalah seperti di **Lampiran 6**. Manakala Surat Arahan Bayaran Wang Panjar ke Akaun Penerima Bayaran (secara EFT) adalah seperti di **Lampiran 7**.

3.4 Kuasa Tetap Panjar Khas

- 3.4.1 Kuasa Tetap merupakan Kebenaran Khusus secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada Pegawai Perakaunan bagi menguruskan akaun Panjar Khas serta kuasa untuk mengesah dan menunaikan EFT/Cek Panjar Khas di bank.
- 3.4.2 Bagi penetapan Kuasa Tetap di Cawangan, Pengarah Negeri (PIN)/Ketua Cawangan (KC) adalah bertanggungjawab melantik pegawai yang boleh mengesah dan menunaikan EFT/Cek Panjar Khas di bank.
- 3.4.3 Cawangan perlu melengkapkan Kuasa Tetap (Borang AK52) mengikut ketetapan seperti berikut:

Bil.	Cawangan	Pegawai Diberi Kuasa
1	Besar	i. Pengarah Negeri; ii. Ketua Unit Akaun; iii. Ketua Unit Kebankrapan/ Likuidasi; dan iv. Penolong Akauntan gred 29 dan gred 29 (KUP). *mengikut kekenanan
2	Sederhana	i. Pengarah Negeri/ Ketua Cawangan; ii. Ketua Unit Akaun; iii. Ketua Unit Kebankrapan/ Likuidasi; dan

		iv. Pembantu Akauntan gred 22 (TBK) dan gred 22 ke atas. *mengikut kekananan
3	Kecil	i. Ketua Cawangan; ii. Ketua Unit Akaun; iii. Ketua Unit Kebankrapan/ Likuidasi; iv. Penolong Akauntan gred 29 (KUP); dan v. Pembantu Akauntan gred 22 (TBK). *mengikut kekananan. Rujuk carta organisasi Cawangan.

3.4.4 Kuasa Tetap (Borang AK52) yang baharu hendaklah disedia, dikemaskini dan dikemukakan untuk kelulusan BPOPA, JANM apabila berlaku keadaan-keadaan seperti berikut:

- a) Pertukaran Pegawai yang diberi kuasa di Kuasa Tetap (Borang AK52) terdahulu;
- b) Pertukaran bank; atau
- c) Pertukaran cawangan bank.

3.4.5 Kuasa Tetap (Borang AK52) yang baharu membatalkan semua kebenaran yang terdapat di Kuasa Tetap yang telah diluluskan terdahulu bermula dari tarikh kelulusan BPOPA, JANM.

3.4.6 Cawangan dikehendaki mengemukakan Kuasa Tetap (Borang AK52) yang telah diluluskan oleh BPOPA, JANM ke bank yang dilantik. Format Kuasa Tetap (Borang AK52) adalah seperti di **Lampiran 8**.

3.4.7 Bagi permohonan capaian sistem perbankan internet bagi paparan penyata bank, Cawangan dikehendaki melengkapkan Kuasa

Tetap (Borang AK52) seperti di **Lampiran 9**. Borang AK52 yang telah diluluskan oleh BPOPA, JANM perlu dikemukakan ke bank yang dilantik.

3.5 Caj Perkhidmatan Bank

- 3.5.1 Bagi caj pemprosesan cek, Cawangan perlu memperakaunkan caj tersebut menggunakan Kod Akaun B0229139 - Bayaran Caj Pemprosesan Cek, Kod Dana di bawah Vot Mengurus melalui Baucar Kecil (Kew.50E). Baucar Kecil (Kew.50E) tersebut disediakan atas nama bank Panjar Khas yang disokong dengan Penyata Bank/dokumen lain yang berkaitan di mana transaksi tersebut didebitkan.
- 3.5.2 Tiada sebarang caj boleh dikenakan ke atas semua akaun bank Panjar Khas kecuali caj pemprosesan cek.
- 3.5.3 Sekiranya terdapat pihak bank yang mengenakan caj perkhidmatan bank selain caj pemprosesan cek, tindakan-tindakan berikut perlu diambil oleh Cawangan:
 - a) Caj perkhidmatan bank tidak perlu direkodkan di Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas/ Buku Tunai Akaun Panjar Khas.
 - b) Merekodkan caj perkhidmatan bank di Penyata Penyesuaian Bank pada ruangan "Debit di Bank Tiada di Buku Tunai".
 - c) Mengarahkan pihak bank untuk memulangkan semula apa-apa caj perkhidmatan bank tersebut dengan mengkreditkan ke akaun bank Panjar Khas.

- e) Setelah caj perkhidmatan dikreditkan semula oleh pihak bank, item penyesuaian di Penyata Penyesuaian Bank boleh digugurkan.

3.6 Hibah/ Faedah/ Dividen Bank

3.6.1 Hibah/faedah/dividen merupakan agihan keuntungan yang diberikan oleh pihak bank kepada pemegang akaun tertakluk kepada pertimbangan bank.

3.6.2 Cawangan hendaklah mengambil tindakan-tindakan berikut setelah menerima hibah/ faedah/dividen:

- a) Merekodkan hibah/faedah/dividen bank di Penyata Penyesuaian Bank pada bulan penyesuaian pada ruangan “Kredit di Bank Tiada di Buku Tunai”.
- b) Cawangan mengeluarkan surat arahan pindahan kepada bank bagi amaun hibah/faedah/dividen daripada akaun bank Panjar Khas kepada Akaun Terimaan Utama Pejabat Perakaunan di mana rekupmen dibuat. Contoh surat arahan adalah seperti di **Lampiran 10**.
- c) Memperakaunkan terimaan hibah/faedah/dividen menggunakan Kod Akaun H0275417 - Hasil Pulangan Atas Baki Akaun Bank Al-Wadiah dan kod Dana Am G000.
- d) Setelah hibah/faedah/dividen bank dikeluarkan daripada Akaun Bank Panjar Khas, item penyesuaian di Penyata Penyesuaian Bank boleh digugurkan.

3.7 Pengambilan Apungan Asal/Tambahan Apungan

3.7.1 Cawangan bertanggungjawab mengambil tindakan berikut:

- a) Menyediakan Arahan Pembayaran Apungan Panjar Khas seperti berikut:
- (1) Pengambilan apungan asal, Arahan Pembayaran Apungan disediakan dalam tempoh **empat belas (14) hari bekerja** dari tarikh kelulusan diterima; atau
 - (2) Pengambilan tambahan apungan, Arahan Pembayaran disediakan dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja** dari tarikh kelulusan diterima.
- b) Menyediakan Arahan Pembayaran Apungan Panjar Khas dengan mempertanggungkan kepada kod Akaun Penyelesaian Panjar Khas A2911101 dan kod Vot/Dana G000.
- c) Memastikan pembayaran apungan Panjar Khas diterima melalui EFT (terus dikredit ke akaun Panjar Khas).
- d) Hanya pegawai yang diberi kuasa seperti di Kuasa Tetap (Borang AK52) sahaja yang dibenarkan untuk mengesah dan menunaikan EFT/Cek Panjar Khas.
- e) Setelah Cawangan menunaikan amaun Panjar Khas, Cawangan perlu melaksanakan tindakan penerimaan apungan asal/tambahan apungan hendaklah diproses sehingga lengkap (status 80) dalam bulan yang sama sebaik sahaja wang Panjar Khas dikreditkan ke akaun bank Panjar Khas di Modul Panjar - Penerimaan Apungan Asal/Tambahan Apungan.
- f) Cawangan perlu menyemak Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas bagi memastikan apungan Panjar Khas terkini telah dikemaskini.

3.8 Pembayaran Melalui Panjar Khas

- 3.8.1 Pembayaran daripada Panjar Khas hanya dibenarkan bagi tujuan tertentu/khusus tertakluk kepada tujuan diwujudkan dan maksud perbelanjaan Panjar Khas yang diluluskan.
- 3.8.2 Pembayaran melalui Panjar Khas boleh dibuat melalui tunai, cek dan EFT.
- 3.8.3 Jenis-jenis pembayaran yang dibenarkan di bawah Panjar Khas ini adalah seperti berikut:
- a) Pembelian Setem, Bayaran Pos/ Pos Berdaftar/ Pos Laju (selain yang berkaitan dengan kos pentadbiran kes estet kebangkrapan)*;
 - b) Bayaran Mahkamah;
 - c) Bayaran Pelbagai untuk berurusan dengan pejabat kerajaan/ badan berkanun yang tidak menerima pembayaran melalui kaedah *Electronic Fund Transfer* (EFT); dan
 - d) Bayaran-bayaran selain daripada yang dinyatakan di atas hendaklah mendapat kelulusan Pengarah Bahagian Perakaunan Mdl sebelum perbelanjaan dibuat. Cawangan perlu mengemukakan surat permohonan rasmi bagi tujuan ini. Selepas kelulusan diperolehi, Cawangan boleh meneruskan pembayaran bagi tuntutan yang dikemukakan oleh pemohon.

Nota: *Bagi bayaran pos dan setem yang berkaitan dengan pentadbiran kes estet kebangkrapan, pesanan kerajaan hendaklah digunakan dan perbelanjaan tersebut hendaklah ditanggungkan di bawah Tabung Bantuan Insolvensi.

- 3.8.4 Cawangan hendaklah memastikan baki Panjar Khas adalah mencukupi.
- 3.8.5 Pegawai yang ingin membuat tuntutan bayaran balik menggunakan Panjar Khas perlu mengemukakan permohonan rasmi melalui Borang Permohonan Perbelanjaan Melalui Panjar Khas Insolvensi seperti di **Lampiran 11** kepada Unit Akaun (UA) selewat-lewatnya **tiga (3) hari bekerja** selepas perbelanjaan.
- 3.8.6 Bagi tuntutan melibatkan pendahuluan pembayaran untuk tujuan urusan di pejabat kerajaan/ badan berkanun seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pejabat Tanah Negeri, Jabatan Pengangkutan Jalan dan lain-lain, pegawai perlu membuat anggaran perbelanjaan yang betul dan bersesuaian mengikut kadar caj perkhidmatan yang telah ditetapkan oleh pejabat kerajaan/ badan berkanun terlibat. Ini bagi mengelakkan pendahuluan melebihi perbelanjaan sebenar. Tuntutan yang lengkap perlu dikemukakan ke Unit Akaun di Cawangan selewat-lewatnya **tiga (3) hari** sebelum perbelanjaan bagi memastikan baki panjar di tangan adalah mencukupi. Resit atau bukti pembayaran perlu dikemukakan Unit Akaun di Cawangan dengan segera setelah perbelanjaan dibuat.
- 3.8.7 Cawangan dikehendaki untuk menyediakan Baucar Kecil (Kew.50E) di sistem iGFMAS dan hendaklah disokong dengan Bil/Invois/Resit dan dokumen sokongan lain yang lengkap. Jika resit/dokumen sokongan tidak disertakan, penerima bayaran yang menuntut hendaklah menandatangani perakuan/ pengesahan di Baucar Kecil (Kew.50E) bahawa perbelanjaan/ pembayaran yang dituntut sebenarnya dilakukan atas urusan rasmi Kerajaan dan telah dibayar oleh penerima bayaran tersebut.

- 3.8.8 Satu (1) Baucar Kecil (Kew.50E) boleh disokong dengan beberapa Bil/Invois/Resit dan dokumen sokongan lain dengan syarat pembayaran dibuat hanya kepada seorang penerima bayaran.
- 3.8.9 Pembayaran Panjar Khas melalui satu Baucar Kecil (Kew.50E) boleh dipertanggungjawabkan kepada Kod Akaun **B0552201 - Bayaran Deposit Akaun Amanah**. Setiap kod akaun perbelanjaan dan akaun yang hendak dipertanggungjawabkan hendaklah direkodkan di Baucar Kecil (Kew.50E).
- 3.8.10 Pastikan Pegawai Peraku I dan Peraku II (jika berkaitan) adalah pegawai yang berbeza.
- 3.8.11 Cawangan hendaklah memastikan maklumat pada Baucar Kecil (Kew.50E) adalah lengkap dan betul seperti berikut:
- a) Nama penerima;
 - b) Kod Pegawai Pengawal;
 - c) Kod Kumpulan PTJ & PTJ Membayar;
 - d) Kod Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggungjawabkan;
 - e) Kod Vot/Dana;
 - f) Kod Akaun;
 - g) Nombor rujukan/ Perihal;
 - h) Akaun; dan
 - i) Maklumat dan tarikh bekalan.
- 3.8.12 Penggunaan kod Akaun Penyelesaian Panjar Khas – A2911101, kod dana G000 dan mana-mana kod Panjar Khas adalah tidak dibenarkan dalam baris caj semasa menyediakan Baucar Kecil (Kew.50E).
- 3.8.13 Proses pembayaran Baucar Kecil (Kew.50E) hendaklah diproses sehingga lengkap (status 80) dalam bulan yang sama.

- 3.8.14 Baucar kecil di Sistem INSIST perlu disediakan pada hari yang sama atau pada hari berikutnya setelah status Baucar Kecil (Kew.50E) di Sistem iGFMAS berstatus 80.
- 3.8.15 Sekiranya terdapat keperluan pembatalan Baucar Kecil (Kew.50E), Cawangan bertanggungjawab melaksanakan penyeliaan yang rapi. Baucar Kecil (Kew.50E) yang dibatalkan bersama dokumen sokongan asal, dokumen sokongan lain dan sebab pembatalan hendaklah dikembalikan bersama Baucar Kecil (Kew.50E) gantian. Tindakan pembatalan adalah seperti berikut:
- a) Dibenarkan ke atas Baucar Kecil (Kew.50E) yang berstatus 80 (didaftarkan pada bulan yang sama);
 - b) Dilaksanakan oleh pegawai yang diberi kuasa sebagai peranan Peraku sahaja bagi memastikan wujudnya pengasingan tugas; dan
 - c) Dilaksanakan dalam bulan yang sama Baucar Kecil (Kew.50E) didaftarkan.
- 3.8.16 Sekiranya telah melangkau bulan, pembatalan Baucar Kecil (Kew.50E) hendaklah dibuat melalui Proses Penerimaan Lain-lain di Modul Panjar Khas di Portal iGFMAS:
- a) Penerimaan Lain-lain adalah proses merekod transaksi penerimaan yang melibatkan akaun Panjar Khas;
 - b) Bertujuan untuk membatalkan Baucar Kecil (Kew.50E) berstatus 80 yang telah melangkau bulan;
 - c) Memastikan capaian bagi Penerimaan Lain-lain di Modul Panjar Khas diperolehi;

- d) Memastikan baris caj adalah betul dan sama seperti baris caj Baucar Kecil (Kew.50E) yang hendak dibatalkan; dan
- e) Memastikan Penerimaan Lain-lain diproses sehingga lengkap (status 80) dalam bulan yang sama.

3.8.17 Semua pembayaran melalui Panjar Khas direkodkan dalam Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas /Buku Tunai Akaun Panjar Khas pada hari ianya lengkap diproses dan dibayar.

3.8.18 Bil/Invois/Resit hendaklah disahkan dan dicap atas urusan rasmi Kerajaan seperti berikut:

PERAKUAN PEMBAYARAN
Saya memperakui bahawa perbelanjaan yang berjumlah RM _____ telah sebenarnya dilakukan atas urusan rasmi Kerajaan dan dibayar.
..... (Tandatangan, nama dan jawatan pegawai yang menuntut)
Tarikh:

3.8.19 Dalam persekitaran elektronik, Cawangan hendaklah mencetak dua (2) salinan Baucar Kecil (Kew.50E) di Sistem iGFMAS untuk salinan pejabat dan penerima bayaran. Baucar tersebut dan dokumen sokongan hendaklah dikepilkan bersama Arahan Pembayaran Rekupmen dan disimpan dengan teratur dan selamat di jabatan penyedia selaras dengan AP99(a).

3.8.20 Format Baucar Kecil di Sistem INSIST adalah seperti di **Lampiran 12**.

3.8.21 Format Baucar Kecil (Kew.50E) di iGFMAS adalah seperti di **Lampiran 13**.

3.9 Pulangan Lebihan Wang Bagi Perbelanjaan Pendahuluan

- 3.9.1 Sekiranya terdapat pendahuluan yang tidak dapat dibelanjakan atas sebab-sebab tertentu, wang pendahuluan tersebut perlu diserahkan kepada Unit Akaun dengan segera dari tarikh ambilan wang. Lebihan wang tersebut perlu diperakaunkan semula ke Akaun Amanah yang berkenaan melalui Resit dan Penyata Pemungut.
- 3.9.2 Proses kerja memperakaunkan lebihan wang pendahuluan adalah seperti proses kerja sedia ada dalam memperakaunkan terimaan di kaunter Mdl melalui Sistem INSIST. Lebihan tersebut diperakaunkan di Sistem INSIST ke lejar estet yang berkenaan mengikut ketetapan berikut:

Bil	Kod Item	Perihal Kod Item	Akaun Amanah	Kod Akaun	Kod Dana
1.	043	Terimaan Lain-lain - Tanpa Fi	Estet Kebankrapan	H0186501	L402
2.	116		Penggulungan Syarikat	H0186501	L403
3.	125		Am Pelikuidasi	H0186501	L424
4.	122		Estet Pertubuhan	H0186501	L425
5.	119		Estet Kesatuan Sekerja	H0186501	L426

- 3.9.3 Pulangan lebihan wang boleh dikemukakan kepada Unit Akaun di Cawangan menggunakan format di **Lampiran 14**.

3.10 Pengendalian dan Pengurusan Cek dan Tunai

- 3.10.1 Bagi penggunaan cek, ianya hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa seperti mana kelulusan Kuasa Tetap (Borang AK52).

3.10.2 Semua pengesahan cek bagi tujuan bayaran tunai hendaklah disahkan oleh seorang pegawai yang diberi kuasa sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 3.10.1.

3.10.3 Buku-buku cek hendaklah disimpan di dalam peti besi yang berkunci. Semua cek yang rosak hendaklah dipalang dan dikepilkan di dalam buku cek berkenaan. Pemegang Akaun Panjar Khas hendaklah memastikan perkara berikut diberi perhatian:

- a) Apabila buku cek diterima daripada bank, buku cek berkenaan hendaklah diperiksa sebagaimana yang dinyatakan di dalam AP115; dan
- b) Sekiranya terdapat mana-mana kepingan cek yang hilang atau nombor-nombor cek tidak mengikut turutannya, laporkan perkara tersebut kepada PIN/KC dan pihak bank secara bertulis dengan segera dan mematuhi arahan yang ditetapkan di dalam AP123.

3.10.4 Di dalam penyediaan cek, perkara-perkara berikut hendaklah dipatuhi:

- a) Wang di dalam bank hendaklah mencukupi sebelum mengeluarkan sesuatu cek;
- b) Semua penggunaan cek hendaklah dilakukan mengikut nombor siri. Sila pastikan ruangan kiri buku cek yang merekodkan tarikh, baki terakhir, amaun dimasukkan (rekupmen diterima), jumlah, amaun cek yang ditunaikan dan baki akaun dikemaskini setiap kali menunaikan cek;
- c) Sekiranya cek tersebut perlu dihantar melalui pos, cek tersebut hendaklah dimasukkan di dalam sampul berdaftar;

- d) Sekiranya berlaku kesilapan maklumat di cek, cek tersebut hendaklah dipalang dengan perkataan BATAL dan cek yang baharu hendaklah dikeluarkan. Cek yang dibatalkan hendaklah disimpan di dalam buku cek yang berkaitan;
 - i. Semua maklumat yang dinyatakan di dalam cek hendaklah tepat dan lengkap; dan
 - ii. Semua cek hendaklah ditandatangani oleh dua (2) orang pegawai yang telah diberi kuasa di dalam Borang Kuasa Tetap - Borang AK52.

3.10.5 Pegawai Yang Menandatangani Cek, hendaklah memastikan perkara berikut dipatuhi:

- a) Sebelum menandatangani sesuatu cek, pegawai perlu menyemak jumlah cek berkenaan selaras dengan keperluan bayaran yang dimaksudkan;
- b) Bagi tujuan di perenggan (i) di atas, penandatangan cek hendaklah memastikan Borang Kew 50E telah disediakan; dan
- c) Sekiranya berlaku sesuatu penipuan akibat pengeluaran berlebihan atau wang yang dikeluarkan bukan untuk tujuan yang sah, pegawai yang menandatangani turut bertanggungjawab.

3.10.6 Cek hanya boleh ditunaikan oleh pegawai yang telah diberi kuasa seperti di Kuasa Tetap (Borang AK52).

3.10.7 Setelah cek ditunaikan, pegawai perlu memastikan jumlah tunai yang diterima adalah tepat. Penerima wang adalah bertanggungjawab di atas sebarang kekurangan wang tunai selepas meninggalkan kaunter bank.

- 3.10.8 Apabila wang tunai telah dikeluarkan daripada bank, wang tersebut hendaklah disimpan di dalam peti besi. Pemegang Panjar hendaklah memastikan prosedur penyimpanan wang tunai Panjar Khas mengikut AP125 dan AP126.
- 3.10.9 Cawangan perlu memastikan baki wang tunai di tangan adalah tepat dan sekiranya berlaku kehilangan Panjar Khas, PIN/KC hendaklah mengambil tindakan berikut:
- a) Selaras dengan AP315(a) dan Pekeliling Perbendaharaan WP 10.3 - Pengurusan Kehilangan Dan Hapuskira Wang Awam yang berkuat kuasa, PIN/KC perlu melaporkan kehilangan wang kepada polis dalam tempoh **24 jam** dari masa kehilangan disedari jika dipercayai kehilangan tersebut mempunyai unsur jenayah.
 - b) Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan WP 10.3 – Pengurusan Kehilangan dan Hapuskira Wang Awam yang berkuat kuasa, Cawangan hendaklah mengambil tindakan bagi setiap kehilangan Wang Awam disebabkan oleh kecurian/penipuan/penyelewengan atau kecuaian pegawai.
 - c) Selaras dengan AP322(a)(i) dan Pekeliling Perbendaharaan WP 10.3 - Pengurusan Kehilangan Dan Hapuskira Wang Awam yang berkuat kuasa, Cawangan hendaklah memohon pendahuluan Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Kehilangan Wang Awam - Kod Amanah 53208) atau Kehilangan Wang Awam AP322 - Kod Akaun A0461106) bagi menggantikan amaun Panjar Khas yang hilang.

- d) Selaras dengan AP322(b), pendahuluan diri tersebut perlu dilaraskan ke Kod Akaun B0551201- Hapuskira Kehilangan Tunai selepas kelulusan hapus kira diperolehi daripada Perbendaharaan.

3.11 Rekupmen Akaun Panjar Khas Insolvensi

- 3.11.1 Rekupmen adalah proses pembayaran untuk menambah semula baki Panjar Khas yang telah berkurang supaya baki Panjar Khas bersamaan dengan jumlah apungan Panjar Khas yang diluluskan.
- 3.11.2 Rekupmen Panjar Khas boleh dibuat lebih daripada sekali dalam sebulan untuk memastikan wang tunai sentiasa mencukupi.
- 3.11.3 Setiap pembayaran di bawah Akaun Panjar Khas ini hendaklah dibuat rekupmen mengikut keperluan di Cawangan. Tarikh akhir rekupmen adalah mengikut ketetapan JANM Negeri/Cawangan bagi memastikan wang tunai di tangan dan di bank mencukupi untuk menampung perbelanjaan pentadbiran kes.

3.12 Arahan Pembayaran Rekupmen

- 3.12.1 Cawangan hendaklah menyedia dan menyemak dokumen sokongan Arahan Pembayaran Rekupmen seperti berikut:
 - a) Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas Mengikut Rekupmen yang dijana di Modul Panjar-Rekupmen dilengkapi dan ditandatangani oleh pegawai Penyedia dan Penyemak/ Peraku I/ Peraku II. Pastikan dokumen yang tersenarai adalah Baucar Kecil (Kew.50E) (berstatus 80) yang belum direkup dan terimaan lain-lain (berstatus 80) (sekiranya ada) yang belum diambil kira dalam rekupmen sebelumnya;

- b) Baucar Kecil (Kew.50E) dan dokumen sokongan asal; dan
- c) Dokumen sokongan lain yang berkaitan.

3.12.2 Penyedia mengemaskini Arahan Pembayaran di Modul Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan - Jenis Arahan Bayaran (P = Reкупmen Panjar).

- a) Pegawai Peraku I, Semak Pejabat Perakaunan dan Peraku II hendaklah menyemak dan mengesahkan ketepatan maklumat pada Arahan Pembayaran Reкупmen dan memastikan kod Vot/Dana yang digunakan adalah G000, Kod Akaun: A2911101 dan amaun adalah sama seperti Invois yang dijana di Modul Panjar Khas.
- b) Penyedia dibenarkan untuk mengemaskini dokumen Arahan Pembayaran Reкупmen di medan Perihal Bayaran sahaja. Pindaan pada baris caj Arahan Pembayaran Reкупmen AP adalah tidak dibenarkan.

3.12.3 Cawangan bertanggungjawab memastikan Baucar Kecil (Kew.50E) dan Arahan Pembayaran reкупmen yang disedia dan diperaku adalah tepat dan betul. Sekiranya Arahan Pembayaran Reкупmen AP dikuiri kerana kesilapan baris caj (termasuk amaun), laksanakan tindakan berikut:

- a) Arahan Pembayaran tersebut hendaklah dihapuskan.
- b) Pembetulan hendaklah dibuat dengan membatalkan Baucar Kecil (Kew.50E) yang dikuiri dan mengeluarkan Baucar Kecil (Kew.50E) yang baharu.
- c) Penyedia hendaklah memastikan dokumen yang tersenarai adalah seperti berikut:

- i. Baucar Kecil Kew.50E (berstatus 80) yang belum rekup; dan
 - ii. Terimaan lain-lain (berstatus 80 sekiranya ada) yang belum diambil dalam rekupmen sebelumnya.
- d) Cawangan bertanggungjawab melaksanakan penyeliaan rapi dalam proses pembatalan. Arahan Pembayaran yang dihapus, Baucar Kecil (Kew.50E) yang dibatalkan bersama dokumen sokongan asal, dokumen sokongan lain dan sebab pembatalan hendaklah dikembalikan bersama Arahan Pembayaran dan Baucar Kecil (Kew.50E) gantian.

3.13 Pembayaran Wang Rekupmen Panjar Khas

Cawangan perlu memastikan pembayaran wang rekupmen Panjar Khas diterima melalui EFT dan terus dikredit ke akaun Panjar Khas.

3.14 Penerimaan Rekupmen bagi Panjar Khas

- 3.14.1 Penerimaan Rekupmen bermaksud proses yang dilakukan bagi menambah baki Panjar Khas di Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas setelah wang rekupmen diterima.
- 3.14.2 Memastikan Penerimaan Rekupmen dilakukan bagi rekupmen yang dibuat melalui Portal iGFMAS di Modul Panjar Khas sahaja (Jenis Dokumen C4 = Rekupmen Panjar Khas).
- 3.14.3 Penerimaan Rekupmen hendaklah diproses sehingga lengkap (status 80) dalam bulan yang sama.
- 3.14.4 Dokumen yang tidak diluluskan dalam bulan yang sama, perlu dihapuskan dan didaftar semula pada bulan semasa.

3.14.5 Membuat penerimaan rekupmen sehingga lengkap (status 80) sebaik sahaja rekupmen ditunaikan dengan memastikan maklumat berikut adalah betul dan tepat:

- a) Kod Vot/Dana: G000; dan
- b) Kod Akaun: A2911101.

3.14.6 Cawangan hendaklah menyemak Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas/Buku Tunai Akaun Panjar Khas selepas setiap kali rekupmen dilakukan bagi memastikan amaun rekupmen telah dikemaskini.

3.14.7 Cawangan hendaklah memastikan baki tunai di tangan dan baki di bank adalah sama dengan baki yang ditunjukkan dalam Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas/Buku Tunai Akaun Panjar Khas.

3.15 Pengurangan Apungan/Penutupan Akaun Panjar Khas dan Akaun Bank Panjar Khas (jika berkaitan)

3.15.1 Sekiranya penggunaan Panjar Khas tidak selaras dengan keperluan maksud perbelanjaan, Cawangan hendaklah memohon pengurangan apungan Panjar Khas dan jika tiada keperluan penggunaan Panjar Khas, Cawangan hendaklah memohon penutupan akaun Panjar Khas.

3.15.2 Bahagian Perakaunan Mdl hendaklah memastikan bahawa Cawangan yang memohon memenuhi syarat permohonan pengurangan/penutupan Panjar Khas dan akaun bank Panjar Khas dengan mengemukakan surat permohonan yang mengandungi maklumat dan dokumen sokongan kepada BPOPA, JANM melalui BA JPM seperti berikut:

- a) Kod Kumpulan PTJ & PTJ Membayar;
- b) Kod Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung;
- c) Kod Pejabat Perakaunan;
- d) ID Panjar Khas;
- e) Kod Vendor Panjar Khas;
- f) Cadangan had apungan baharu Panjar Khas (bagi permohonan pengurangan apungan);
- g) Justifikasi permohonan;
- h) Maklumat Akaun Bank Panjar Khas (bagi permohonan penutupan);
- i) Penyata Bank terkini (bagi permohonan penutupan);
- j) Penyataan Sokongan daripada BA JPM; dan
- k) Dokumen lain yang berkaitan.

3.15.3 Setelah menerima surat kelulusan pengurangan apungan daripada BPOPA, JANM, Cawangan perlu mengemukakan surat arahan pindahan kepada bank bagi memindahkan amaun pengurangan apungan Panjar Khas dari akaun bank Panjar Khas kepada Akaun Terimaan Utama Pejabat Perakaunan dimana rekupmen dibuat.

3.15.4 Bagi penutupan Panjar Khas, Pemegang Panjar hendaklah memastikan baki Laporan Buku Tunai Akaun Panjar adalah sama dengan had apungan asal Panjar Khas yang diluluskan. Sekiranya baki berbeza, laksanakan proses rekupmen/ perbelanjaan/ penerimaan (yang mana berkaitan).

3.15.5 Selain itu, bagi penutupan Panjar Khas, Pemegang Panjar hendaklah memastikan semua wang tunai di tangan, dimasukkan ke dalam akaun bank Panjar Khas dan baki akaun bank adalah sama dengan apungan Panjar yang diluluskan.

3.15.6 BPOPA, JANM mengeluarkan surat kelulusan penutupan akaun bank Panjar Khas termasuk arahan pindahan ke bank berkenaan

bagi memindahkan baki akaun bank ke dalam Akaun Terimaan Utama Pejabat Perakaunan di mana rekupmen dibuat.

- 3.15.7 BA JPM akan mengeluarkan arahan kepada Cawangan melalui Bahagian Perakaunan Mdl untuk membuat tindakan penutupan akaun Panjar setelah kelulusan penutupan akaun Panjar dan akaun bank Panjar diperolehi dari BPOPA, JANM.
- 3.15.8 Cawangan perlu memproses pengurangan apungan/penutupan akaun Panjar sehingga lengkap (status 80) dalam bulan yang sama melalui Modul Panjar-Pengurangan Apungan/ Tutup Panjar setelah:
 - a) Wang dipindahkan ke Akaun Terimaan Utama Pejabat Perakaunan bagi pengurangan Panjar; atau
 - b) Mendapat pengesahan bank mengenai pemindahan baki dan penutupan akaun bank Panjar bagi penutupan Panjar.
- 3.15.9 Cawangan menyediakan Resit Rasmi Kew.38E (Jenis: Panjar) di Modul Terimaan-Resit berdasarkan amaun pengurangan apungan/penutupan akaun Panjar dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja** dari tarikh surat kelulusan diterima dari BPOPA, JANM.
- 3.15.10 Cawangan menyediakan Penyata Pemungut sehingga lengkap (status 80) berdasarkan amaun pengurangan apungan/penutupan akaun Panjar yang diluluskan melalui Modul Terimaan-Penyata Pemungut. Cawangan perlu memastikan amaun pada Penyata Pemungut adalah berdasarkan amaun pengurangan apungan/penutupan akaun Panjar yang telah diluluskan.
- 3.15.11 Cawangan mengemukakan salinan Penyata Pemungut yang lengkap dan salinan Resit Panjar asal (Kew.38E) kepada Bahagian

Perakaunan Mdl dipanjangkan kepada BA JPM. BA JPM mengemukakan dokumen tersebut kepada BPOPA, JANM bagi pengemaskinian Data Induk Panjar iGFMS

- 3.15.12 Cawangan bertanggungjawab menyemak Laporan Buku Tunai Akaun Panjar dan memastikan apungan telah dikemaskini berdasarkan amaun yang telah diluluskan.

3.16 Buku Daftar Pendahuluan Panjar Khas

- 3.16.1 Bagi tujuan rekod dan semakan Cawangan ke atas pendahuluan yang telah diluluskan, sebuah Buku Daftar Pendahuluan Panjar Khas hendaklah disedia dan diselenggara. Cawangan perlu menyelenggara Buku Daftar Pendahuluan Panjar Khas bagi perbelanjaan yang pendahuluan yang berkaitan pentadbiran lejar.
- 3.16.2 Buku Daftar Pendahuluan Panjar Khas ini perlu diselenggara mengikut bulan dan disimpan secara salinan elektronik (*softcopy*). Format adalah seperti di **Lampiran 15**.

3.17 Pelaporan Bulanan dan Tahunan Akaun Panjar Khas

- 3.17.1 Cawangan bertanggungjawab menyelenggara laporan dan dokumen Panjar Khas seperti berikut:

a) Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas di Sistem iGFMS

- (1) Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas/ Buku Tunai Akaun Panjar Khas merupakan laporan yang merekodkan semua transaksi terimaan dan bayaran bagi Panjar Khas.
- (2) Mengemaskini transaksi terimaan atau bayaran yang dilakukan secara harian (sekiranya ada).

- (3) Menyemak dan mengesahkan Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas Mengikut Rekupmen/ Buku Tunai Akaun Panjar Khas pada setiap kali rekupmen dilakukan.
- (4) Memastikan Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas dicetak, disemak dan disahkan secara bulanan bagi memastikan semua transaksi terimaan dan bayaran Panjar Khas dikemaskini.
- (5) Pegawai yang menyemak dan mengesahkan transaksi terimaan dan bayaran di Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas/Buku Tunai Akaun Panjar Khas adalah Ketua Unit Akaun / pegawai yang lebih kanan.
- (6) Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas / Buku Tunai Akaun Panjar Khas hendaklah ditutup pada hari terakhir bekerja bulan semasa dan pada 31 Disember pada setiap tahun kewangan.
- (7) Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas yang dijana dari iGFMS adalah seperti di **Lampiran 16**.

b) Laporan Senarai Dokumen Bagi Proses Panjar Khas Yang Belum Selesai

- (1) Laporan yang memaparkan senarai dokumen bagi proses Panjar Khas yang belum lengkap (selain daripada status 80). Laporan ini adalah bagi bertujuan pemantauan status dokumen Panjar Khas pada setiap hujung bulan.

- (2) Pada hari terakhir bekerja bulan semasa, Cawangan hendaklah menyemak Laporan Senarai Dokumen Bagi Proses Panjar Khas Yang Belum Selesai serta memastikan semua dokumen bagi proses Panjar Khas diselesaikan (status 80) dalam bulan yang sama.
- (3) Dokumen bagi proses Panjar Khas yang tidak lengkap diproses dalam bulan yang sama hendaklah dikuiri dan/atau dihapus dan didaftarkan semula dan diproses sehingga lengkap (status 80) pada bulan semasa.

c) Sijil Perakuan Panjar Khas

- (1) Sijil Perakuan Panjar Khas adalah perakuan Cawangan ke atas baki Panjar Khas pada sesuatu tarikh. Cawangan hendaklah menyediakan Sijil Perakuan Panjar Khas pada setiap bulan.
- (2) Sijil Perakuan Panjar Khas perlu dikemukakan bersama kepada Bahagian Perakaunan Mdl untuk semakan selewat-lewatnya **7 haribulan** pada bulan berikutnya. Bahagian Perakaunan Mdl akan menyediakan menyelaraskan dan mengemukakan Sijil Perakuan Panjar Khas keseluruhan Mdl kepada BA JPM selewat-lewatnya **14 haribulan** pada bulan berikutnya.
- (3) Format Sijil Perakuan Panjar Khas iGFMS adalah seperti di **Lampiran 17**.

d) Penyata Penyesuaian Panjar Khas

- (1) Penyata Penyesuaian Panjar Khas adalah penyata yang memadankan transaksi di Buku Tunai Akaun Panjar Khas dengan Laporan FAGLB03/FAGLL03.
- (2) Cawangan bertanggungjawab menyediakan Penyata Penyesuaian Panjar Khas (sekiranya ada) dan mengemukakan kepada Bahagian Perakaunan Mdl bersekali dengan Sijil Perakuan Panjar Khas untuk semakan selewat-lewatnya **7 haribulan** pada bulan berikutnya. Bahagian Perakaunan Mdl akan menyedia dan menyelaras Penyata Penyesuaian Panjar Khas keseluruhan Mdl kepada BA JPM selewat- lewatnya **14 haribulan** pada bulan berikutnya.
- (3) Format penyediaan Penyata Penyesuaian Panjar Khas adalah seperti di **Lampiran 18**.

e) Sijil Pengesahan Baki/Penyata Penyesuaian Bank Akaun Panjar Khas

- (1) Penyata Penyesuaian Bank adalah penyata yang memadankan transaksi yang terdapat di Penyata Bank dengan Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas/ Buku Tunai Akaun Panjar Khas.
- (2) Sijil Pengesahan Baki/Penyata Bank adalah dokumen yang dikeluarkan oleh bank yang menunjukkan baki akaun bank Panjar Khas.
- (3) Cawangan bertanggungjawab menyediakan Penyata Penyesuaian Bank Panjar Khas selaras dengan

AP113(d)(ii) dan mengemukakan kepada Bahagian Perakaunan Mdl untuk semakan selewat-lewatnya **7 haribulan** pada bulan berikutnya. Bahagian Perakaunan Mdl akan menyedia dan menyelaraskan Penyata Penyesuaian Bank Akaun Panjar Khas keseluruhan Mdl kepada BA JPM selewat-lewatnya **14 haribulan** pada bulan berikutnya.

- (4) Format Penyata Penyesuaian Bank Panjar Khas adalah seperti di **Lampiran 19**.

3.18 Penutupan Bulanan Panjar Khas

3.18.1 Penutupan bulanan Panjar Khas adalah pada hari terakhir bekerja setiap bulan. Tanggungjawab Cawangan adalah seperti berikut:

- a) Menjana dan menyemak Laporan Senarai Dokumen Bagi Proses Panjar Khas Yang Belum Selesai untuk mengenal pasti senarai dokumen Panjar Khas yang perlu disempurnakan;
- b) Menyempurnakan semua dokumen yang tersenarai (jika ada) sehingga lengkap (status 80);
- c) Memastikan tiada dokumen tersenarai dalam laporan tersebut;
- d) Menjana dan mencetak Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas;
- e) Menyemak dan mengesahkan semua transaksi terimaan dan bayaran Panjar Khas di Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas /Buku Tunai Akaun Panjar Khas adalah betul walaupun tiada rekupmen dibuat;

- f) Menjana dan menyemak Sijil Perakuan Panjar Khas bagi bulan berkenaan;
- g) Memastikan baki tunai di tangan dan di bank adalah bersamaan dengan baki Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas; dan
- h) Mengemukakan dokumen berikut kepada Bahagian Perakaunan Mdl selewat-lewatnya **7 haribulan** pada bulan berikutnya:
- i) Sijil Perakuan Panjar Khas beserta Senarai Rekupmen Yang Diminta Tetapi Belum Dijelaskan (Lampiran I) dan Senarai Baucar Kecil Belum Dibuat Rekupmen (Lampiran II);
- j) Penyata Penyesuaian Bank; dan
- k) Sijil Pengesahan Baki/Penyata Bank.

3.19 Penutupan Akhir Tahun Panjar Khas

- 3.19.1 Penutupan akhir tahun adalah tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan dalam SPANM Tarikh Akhir Proses Dokumen Kewangan Bagi Tahun Kewangan berkenaan yang berkuat kuasa.
- 3.19.2 Cawangan adalah bertanggungjawab:
 - a) Menjana dan menyemak Laporan Senarai Dokumen Bagi Proses Panjar Khas Yang Belum Selesai untuk mengenal pasti senarai dokumen Panjar Khas yang perlu disempurnakan.

- b) Meluluskan semua Baucar Kecil (Kew.50E) sehingga berstatus 80.
- c) Meluluskan semua Penerimaan Lain-lain sehingga berstatus 80 sebelum rekupmen akhir.
- d) Menyelesaikan rekupmen terakhir melalui Arahan Pembayaran Rekupmen Panjar Khas sehingga Peraku II. Pastikan tiada Baucar Kecil (Kew.50E) dikeluarkan dan tiada Penerimaan Lain-lain dibuat selepas rekupmen terakhir disediakan.
- e) Memastikan Penerimaan Rekupmen diluluskan (status 80) setelah amaun rekupmen dikreditkan ke dalam akaun bank Panjar Khas. Pastikan baki Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas sama dengan apungan yang diluluskan.
- f) Memastikan semua proses Panjar Khas di Cawangan diselesaikan sebelum penutupan akaun bagi memastikan tunai di tangan dan di bank adalah bersamaan dengan apungan yang diluluskan.
- g) Rujuk semula Laporan Senarai Dokumen Bagi Proses Panjar Khas Yang Belum Selesai untuk memastikan semua proses Panjar Khas telah lengkap dan sempurna.
- h) Menyediakan lima (5) salinan dokumen sokongan seperti pada 31 Disember setiap tahun kewangan seperti berikut:
 - i. Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas /Buku Tunai Akaun Panjar Khas;

- ii. Sijil Perakuan Panjar Khas beserta Lampiran I dan II (jika berkenaan);
 - iii. Penyata Penyesuaian Bank; dan
 - iv. Sijil Pengesahan Baki/Penyata Bank
- i) Pengagihan lima (5) salinan dokumen sokongan adalah untuk:
- i. Jabatan Audit Negara
 - ii. BPOPA, JANM
 - iii. BA JPM
 - iv. Bahagian Perakaunan Mdl
 - v. Cawangan

3.20 Penyelenggaraan Laporan dan Dokumen Panjar Khas

3.20.1 Cawangan perlu mengambil tindakan seperti berikut:

Bil.	Rekod Kewangan Dan Perakaunan		Kaedah Penyimpanan	
			Salinan cetak (Hardcopy)	Salinan elektronik (Softcopy)
1.	Kuasa Tetap (Borang AK52)	-	/	-
2.	Baucar Kecil (Kew.50E)	Cetak sebelum bayaran dilakukan	/	-
3.	Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas	(1) Laporan seperti pada hari terakhir bulan semasa yang dijana pada hari terakhir bulan semasa (semakan penutupan akhir bulan).	-	/

		(2) Laporan seperti pada hari terakhir bulan semasa yang dijana pada hari pertama bekerja bulan berikutnya (perlu tandatangan disedia dan disemak).	/	/
	Laporan Buku Tunai Akaun Panjar Khas Mengikut Rekupmen	Cetak sebelum Arahan Pembayaran Rekupmen dilakukan	/	/
	Buku Daftar Panjar Khas	Manual	Manual	-
